

um 18/5/2022

# 20 nelayan Vietnam dicekup ceroboh, tangkap hasil laut

---

As; 30

**MERSING:** Seramai 20 nelayan Vietnam dicekup Agen- si Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) selepas disyaki menceroboh dan menangkap hasil laut di perairan negara, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Mersing, Komander Maritim Khairul Nizam Misran berkata, pihaknya bersama Pasukan Polis Marin (PPM) menahan dua buah bot ne- layan asing tersebut kira-kira pukul 12.30 pagi di perairan Mersing.

Katanya, kedua-dua bot itu ditahan dalam satu ron- daan operasi penguatku- saan bersepodu Op Khas Pa- gar Laut dan Op Bersepodu di kedudukan kira-kira 7.9 batu nautika timur laut Pulau Pe- manggil, di sini.

“Hasil pemeriksaan ke atas 20 kru termasuk tekong kedua-dua bot, mengesyaki mereka adalah warga Viet- nam berumur antara 16 ta- hun hingga 52 tahun selepas didapati gagal mempamer- kan pengenalan diri yang sah.

“Susulan itu kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran Pengarah Perikanan dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal mempamerkan doku- men pengenalan diri yang sah,” katanya semalam.

Khairul Nizam berkata, dua bot dan peralatan me- nangkap ikan serta hasil tang- kapan dianggarkan 9,000 kilogram (kg) dan bekalan diesel kira-kira 11,500 liter turut dirampas, manakala kesemua tangkapan dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Pos Teluk Gading untuk siasatan lanjut.

“Hasil rampasan keselu- ruhan dianggarkan bernilai RM3 juta. Maritim Malaysia secara tegas mengambil se- rius dan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dengan aktiviti pencerobohan vesel penang- kapan ikan negara asing bagi mengaut hasil laut dalam pe- rairan negara,” katanya.